

Enam nelayan asing ditahan tangkap ikan di perairan Dungun

KEMAMAN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kemaman menahan dua buah bot nelayan pantai asing di perairan Dungun awal pagi kelmarin.

Pengarah Maritim Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, tangkapan itu dilakukan selepas pihaknya menerima maklumat awam berkenaan aktiviti penangkapan ikan oleh nelayan pantai asing di sekitar perairan Dungun.

"Satu pasukan khas telah ditubuhkan dan diatur gerak ke Dungun untuk membuat tinjauan dan pe-

nahanan.

"Hasil tinjauan mendapati terdapat dua buah bot jenis fiber yang dikendalikan oleh warga Myanmar sedang giat menjalankan aktiviti penangkapan ikan sekitar 10 batu nautika dari Kuala Dungun," katanya.

Berikutan itu, seramai enam awak-awak berumur sekitar 24 hingga 35 tahun warga Myanmar telah ditahan dan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kemaman untuk siasatan lanjut.

Rashidilhadi berkata, kes itu disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana gagal mempermerkan

lesen dan permit kebenaran menangkap ikan daripada Jabatan Perikanan.

"Penahanan kali ini agak berbeza kerana nelayan asing ditahan di atas bot fiber. Siasatan lanjut kita akan lakukan untuk mengenal pasti bagaimana keadaan ini berlaku.

"Pihak Maritim Malaysia Negri Terengganu dan Zon Maritim Kemaman akan terus mempertingkatkan kawalan keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang maritim bagi memastikan kepatuhan undang-undang dan keselamatan pengguna maritim di perairan Malaysia sentiasa terjaga," katanya.

SH 28/2/2017 m/s 35



Bot yang dinaiki awak-awak Myanmar ini ditahan di perairan Dungun.